

TARIKH	12 / 11 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	B2	RUANGAN	Business

Titijaya Land labur RM30j beli tanah di Lembah Klang

Titijaya Land, pemaju hartanah yang bakal menjana modal sehingga RM122.6 juta daripada tawaran awam permulaan (IPO), akan menumpukan kepada usaha mengukuhkan kedudukannya di Lembah Klang menerusi tambahan pembelian tanah di kawasan utama.

Ketua Operasinya, Lim Poh Yit, berkata pihaknya akan memperuntukkan RM30 juta daripada dana yang diraih daripada IPO untuk tujuan berkenaan.

Katanya, kini pihaknya memiliki simpanan tanah yang strategik dianggarkan seluas 188 hektar di Lembah Klang dan kebanyakannya tertumpu di daerah Klang dan Petaling, Selangor.

"Sehingga kini, kami membangunkan lebih 3,000 unit hartanah dengan nilai pembangunan kasar RM1.14 bilion.

"Pelbagai projek kediaman dan komersial di Subang Jaya dan Klang mendapat sambutan

hangat daripada orang ramai dengan kebanyakannya mencatatkan kadar pembelian melebihi 90 peratus," katanya pada sidang media selepas pelancaran prospektus Titijaya Land Bhd di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir ialah Pengarah Eksekutifnya, Lim Puay Fung serta Ketua Eksekutif Alliance Investment Bank Bhd, Rafidz Rasiddi.

Tawar 81.7 juta saham biasa Titijaya Land Bhd yang dijadualkan disenarai pada Pasaran Utama pada 27 November ini menawarkan langganan sehingga 81.7 juta saham biasa baru bernilai 50 sen pada harga tawaran RM1.50 sesaham.

Daripada 81.7 juta saham biasa baru itu, 17 juta ditawarkan untuk langganan awam; enam juta untuk pengarah, kakitangan dan sekutu perniagaan kumpulan yang

layak; 34 juta bagi pelabur Bumiputera yang diluluskan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta 24.7 juta saham lagi bagi penempatan kepada pelabur terpilih.

IPO itu juga membabitkan tawaran penjualan sehingga 49.5 juta saham sedia ada dengan cara penempatan kepada pelabur yang terpilih, dengan harga tawaran RM1.50 sesaham.

Lim berkata, selain pembelian tanah, pihaknya juga akan menggunakan dana yang diraih untuk perbelanjaan modal, bayaran semula pinjaman bank, bayaran semula kepada pemegang saham dari anak syarikat serta bagi perbelanjaan penyenaian.

"Justeru, kami akan terus berusaha keras untuk meningkatkan prestasi operasi dan kewangan di samping meneruskan amalan terbaik dalam tadbir urus korporat," katanya.



"Pelbagai projek kediaman dan komersial di Subang Jaya dan Klang mendapat sambutan hangat daripada orang ramai dengan kebanyakannya mencatatkan kadar pembelian melebihi 90 peratus"

Lim Poh Yit,
Ketua Operasi Titijaya Land